

Lembaran Pendedahan Produk

Insurans Jentera

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan insurans untuk loji, jentera dan peralatan mekanikal semasa bekerja, semasa berehat atau ketika operasi penyelenggaraan.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

Polisi ini menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan fizikal yang tidak diduga dan berlaku secara tiba-tiba pada mesin dalam kes seperti kecacatan tuangan dan bahan, kesilapan reka bentuk, kesilapan di bengkel atau semasa pembinaan, mutu kerja yang buruk, kurang kemahiran, kecuaiian, kekurangan air dalam dandang, letupan fizikal, pecah kerana daya sentrifugal, litar pintas, ribut atau atas apa-apa sebab lain yang tidak dikecualikan secara khusus.

Nota:

- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).**
- Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk manfaat dan perlindungan lengkap produk.**

3. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pilihan Pembaharuan?

Tempoh perlindungan biasanya selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

4. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung pada jumlah diinsuranskan, pekerjaan atau jenis perniagaan, binaan bangunan, harta yang diinsuranskan, pengalaman tuntutan dan lain-lain.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

Apa yang anda perlu bayar sebagai tambahan kepada premium	Amaun
Duti Setem	RM 10.00
Cukai Perkhidmatan	6% dan/atau 8% daripada premium (#)

#Cukai perkhidmatan baru 8% akan dikira secara prorata berkuat kuasa mulai 01 Mac 2024 dan seterusnya.

Apa yang termasuk dalam premium	Amaun
Komisen kepada pengantara insurans (jika ada)	Sehingga 15% daripada premium

Sila rujuk pengiraan komisen di bawah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Premium tahunan ialah RM300.00. Oleh itu komisen ialah 15% daripada RM300.00 iaitu RM45.00

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

a) Kewajipan Pendedahan

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- Anda mesti memastikan jumlah diinsuranskan sentiasa sama dengan Nilai Penggantian Baru jentera. Ini termasuk nilai barang baru, duti kastam, pengangkutan dan kos pemasangan.
- Sekiranya jumlah diinsuranskan kurang daripada amaun yang perlu diinsuranskan pada masa kerugian (iaitu berkurangan insurans), anda dianggap menginsuranskan sendiri perbezaannya. Syarat purata akan diguna pakai sekiranya berlaku tuntutan. Setiap item, jika lebih daripada satu, akan tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.

- d) **Syarat sumbangan** - Sekiranya semasa apa-apa tuntutan dibuat bawah Polisi ini terdapat apa-apa insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada perkadaran yang boleh ditaksir bagi apa-apa tuntutan untuk kerugian, kerosakan atau liabiliti sedemikian.
- e) **Waranti Premium** - Premium mestilah dibayar dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan perlindungan, jika tidak, perlindungan akan dibatalkan secara automatik. Sila ambil perhatian bahawa anda masih bertanggungjawab membayar bahagian premium untuk enam puluh (60) hari itu.
- f) **Bayaran Premium** - Bayaran boleh dibuat secara Tunai, Kad Kredit atau GIRO kepada Berjaya Sampo Insurance Berhad. Pastikan anda menerima resit untuk premium yang dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa depan.
- g) **Pembaharuan Polisi** - Bergantung pada keadaan kerugian atau tuntutan yang dibuat semasa tempoh polisi, kami boleh menyemak terma dan syarat polisi semasa pembaharuan atau menolak pembaharuan.
- h) **Tuntutan** - Apabila terjadi kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dengan segera.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bawah polisi ini.

7. Apakah pengecualian utama bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian seperti: -

- Kerugian atau kerosakan pada alat yang boleh ditukar, bahagian jentera yang mengalami kadar haus dan lusuh yang tinggi.
- Kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh operasi yang berterusan.
- Kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dan peril yang berkaitan, banjir, bangunan runtuh, tanah runtuh.
- Kerugian atau kerosakan yang mana pembekal, kontraktor atau pembaik bertanggungjawab sama ada dari segi undang-undang atau bawah kontrak.
- Apa-apa kerugian atau liabiliti turutan.
- Perang dan risiko kekeluargaan.
- Akibat daripada tindak balas nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bawah polisi ini.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Berjaya Sampo Insurance Berhad. Selepas pembatalan, sebarang bayaran balik premium akan dibuat berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan/peribadi saya?

Penting bagi anda memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan pada butiran hubungan dan peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat tiba kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan pejabat cawangan kami atau khidmat pelanggan Syarikat.

10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Insurans Jentera, sila rujuk buku InsuranceInfo berkenaan 'Insurans Kejuruteraan' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan dari ejen insurans atau dengan melawati www.insuranceinfo.com.my.

NOTA PENTING: ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN DENGAN AMAUN YANG SESUAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN/BROKER ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat yang lengkap yang dikenakan adalah terkandung di dalam Kontrak Polisi. Sekiranya berlaku percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Berjaya Sampo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula dari 26 Februari 2024.